

CNS6677

U GB 05-08 00130 BA399

aab

Mahathir - Tindakan

PEGUAM NEGARA TENTUKAN BENTUK TINDAKAN KE ATAS ARQAM

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bentuk tindakan yang akan diambil terhadap kegiatan al-Arqam, yang diharamkan hari ini, akan diputuskan oleh Peguam Negara.

"Kita perlu mengkaji setakat mana ia bertentangan dengan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dan undang-undang negara," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Majlis Fatwa Kebangsaan hari ini mengharamkan pertubuhan itu dan segala ajaran dan fahaman yang menjadi pegangan pergerakan yang dipimpin oleh Ashaari Muhammad itu.

"Sebenarnya tindakan yang kita ambil adalah untuk memelihara agama Islam dan tidak mahu rakyat Malaysia terpedaya oleh ajaran sesat daripada Arqam," katanya. -- Lagi.

05/08/19-24MST

CNS6682

U GB 05-08 00165 BA400

aab

Mahathir - Tindakan 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir menafikan sindiran akhbar asing kononnya tindakan kerajaan terhadap Arqam kerana takut akan pertubuhan itu.

"Di Amerika Syarikat tindakan yang keras diambil kepada pemimpin agama (David) Koresh. Amerika Syarikat telah menghantar askarnya dan menembak mati beberapa orang dalam usaha mereka menghalang Koresh.

"Apakah ini bermakna kerajaan Amerika sudah takut pada Koresh? Kalau tindakan mereka yang lebih besar itu membuktikan mereka takut kepada Koresh barulah boleh mereka tuduh kita takut kepada al-Arqam," katanya.

Beliau berkata bagaimanapun tindakan kerajaan Malaysia tidaklah sampai ke tahap menggunakan kuasa tentera.

"Tindakan mengharamkan al-Arqam bukan kerana takutkan pertubuhan itu tetapi demi menjaga akidah Islam daripada terpesong...tindakan yang mendewa-dewakan pemimpin mempunyai akibat yang buruk, mungkin pengikut yang terlalu fanatik akan membuat perkara-perkara yang tidak baik," katanya.

Beliau tidak mahu kejadian seperti yang menimpa pengikut Koresh atau pengikut Jim Jones yang membunuh diri beramai-ramai di Guyana dahulu, berlaku di Malaysia. -- Lagi.

05/08/19-27MST

CNS6718

U GB 05-08 00167 BH138

AAB

Mahathir - Tindakan 3 Kuala Lumpur

Ketika menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, sekolah-sekolah Arqam patut diberhentikan kerana bahayanya kepada kanak-kanak yang diajar fahaman salah Arqam yang sukar untuk dipulihkan.

Mengenai pengikut Arqam, beliau berkata, mereka akan dipulihkan termasuk para pelajar di luar negeri dengan memberikan penerangan mengenai penyelewengan pergerakan itu termasuk pemimpinnya yang mengaku bercakap dengan Nabi dan mempunyai sifat-sifat Tuhan.

Perdana Menteri berkata, walaupun usaha memulihkan mereka bukanlah mudah terutama mereka yang taksub tetapi usaha perlu dibuat dan beliau percaya pengikut Arqam termasuk daripada kalangan orang UMNO dapat berbuat demikian kerana mereka tidak menyedari akan penyelewengan yang berlaku.

Ketika ditanya mengenai kegiatan ekonomi Arqam, beliau berkata: "Kalau aktiviti ekonomi mereka tidak bercanggah dengan Islam, kita tidak boleh hendak larang... Kalau dia berniaga dan dia buat benda yang bertentangan dengan ajaran Islam, lainlah."

Mengenai kira-kira 40 perkampungan Arqam di seluruh negara, beliau berkata, jika mereka terus mengajar ajaran yang menyeleweng itu, tindakan akan diambil. -- Lagi.

05/08/20-07MST

CNS6719

U GB 05-08 00128 BH139

AAB

Mahathir - Tindakan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika menjawab soalan mengenai tindakan Arqam mengambil tindakan mahkamah terhadap Pusat Islam berhubung tuduhan yang dibuat terhadap pergerakan itu, Dr Mahathir berkata: "Itu hak mereka untuk membawa perkara itu ke mahkamah".

"Saya lebih suka jika dibawa ke mahkamah. Kita boleh membawa semua bukti yang ada mengenai penyelewengan itu," kata Perdana Menteri.

Ketika ditanya apakah tindakan Majlis Fatwa itu terlambat, beliau berkata: "Ia tidak terlambat kerana sebelum kita membuat sesuatu fatwa, kita mesti kaji dengan mendalam dan mesti ada kata sepakat. Pada mulanya, seperti saya kata dahulu, tidak banyak penyelewengan dalam Arqam tetapi sekarang ini sudah jelas bahawa dia (Ashaari) menganggap dirinya sebagai Nabi bahkan mempunyai sifat-sifat Tuhan." -- Bernama.

MNY KAM.

05/08/20-14MST